

18/06/1999

Pendirian Pas beri kelebihan pada Umno

SIKAP Pas yang sering mengubah pendiriannya, memberi kelebihan kepada Umno yang sentiasa menunaikan janji menjelang pilihan raya umum nanti, kata Ketua Pemuda Umno Bahagian Kuala Terengganu, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh.

Menurutnya, kepemimpinan Pas sering kali mengubah pendiriannya apabila bersemuka dengan golongan berbeza.

Beliau memberi contoh cadangan Pas untuk membuka keahliannya kepada bukan Islam ketika muktamar parti baru-baru ini, yang bertentangan dengan kenyataan parti itu dalam satu majlis dialog dengan pensyarah tidak lama dulu.

"Apabila bertemu pensyarah, mereka (Pas) berkata syarat jadi ahli hendaklah Islam serta tak melakukan dosa dan lain-lain. Tetapi ketika muktamar mereka kata nak kaji keahlian kepada bukan Islam.

"Jadi ini sekali gus membuktikan bahawa Pas memang tak tetap pendirian," katanya ketika membentangkan ucapan terima kasih di atas ucapan dasar pemangku Pergerakan Ketua Pemuda Umno.

Wan Ahmad Farid yang juga Exco Pemuda Umno berkata, ketika ekonomi negara mula mengalami kegawatan, Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menamakan spekulator George Soros sebagai punca utamanya.

"Dalam satu majlis di Hong Kong, Dr Mahathir menamakan Soros. Selepas itu dalam satu majlis berasingan, Perdana Menteri tetap menamakan Soros dan ia berkekalan sehinggalah ke hari ini.

"Ini bermakna, kepemimpinan Umno kekal dengan kenyataan yang sama," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata rakyat perlu menyedari bahawa perjuangan untuk mengekalkan ketuanan Melayu di negara ini hanya boleh dilakukan oleh Umno dan hanya parti itu saja.

"Yakinlah perjuangan ini. Yakinlah perjuangan ini mulia dan lagi jelas. Sedarlah bahawa Umno memperjuangkan Islam, tidak ada parti alternatif lagi," katanya.

Wan Ahmad Farid berkata, keyakinan ini perlu dalam suasana menghadapi pilihan raya kerana tanpanya, tidak mungkin Umno menangkis isu yang dibangkitkan oleh Pas.

Beliau menegaskan, ahli parti itu juga perlu menyedari siapa kawan dan siapakah lawan mereka dalam menghadapi kancah politik semasa.

"Kita mesti tahu siapakah musuh yang dihadapi, sama ada mereka bekas exco Pemuda Umno, sama ada mereka bekas Timbalan Presiden Umno jika mereka mahu menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional, kita akan tentang mereka ini," katanya.

(END)